KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11.03.22	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	JMG			

Penduduk bimbang kejadian berulang lagi

Kuala Lumpur: Penduduk di kawasan Seksyen 6, Wangsa Maju di sini, meluahkan kebimbangan mereka sekiranya kejadian tanah runtuh yang berlaku Selasa lalu kembali berulang ketika cuaca yang tidak menentu kini.

Azizam Ahmad, 65, yang menetap di kawasan berkenaan sejak 25 tahun lalu berkata, dia berharap pihak berwajib melihat situasi berkenaan dengan terperinci.

"Sebelum ini hanya berlaku banjir kilat sahaja, kini tanah runtuh pula. Saya risau ia (tanah runtuh) akan berulang dan minta pihak berwajib melihat situasi ini.

"Saya difahamkan kawasan Bukit Dinding di belakang kediaman ini sedang berlaku pembangunan. Saya mohon ada pemantauan berhubung perkara itu," katanya ditemui, semalam.

Menurutnya, penduduk kini sedang membersihkan lumpur tebal kira-kira 0.5 meter akibat tanah runtuh itu.

"Nasib ada jiran-jiran yang datang membantu membersihkan, mungkin ambil sedikit masa untuk dibersihkan (lumpur).

"Apa yang merisaukan jika hujan lebat berlaku, kita tidak tahu apa akan jadi kepada bukit ini nanti," katanya.

Kerja membersihkan lumpur tebal kira-kira 0.5 meter giat dijalankan

Sementara itu, tinjauan Harian Metro mendapati petugas daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berada di lokasi berkenaan bagi membersih dan memantau keadaan di kawasan sekitar.

Terdahulu, lima rumah terkesan susulan kejadian tanah runtuh yang berlaku di tanah persendirian dekat Jalan 1/27D, Seksyen 6 Wangsa Maju membabitkan 28 mangsa daripada lima keluarga.

Tiada mangsa dilaporkan cedera dan tiada rumah dilaporkan rosak dalam kejadian berkenaan.



PETUGAS DBKL berada di lokasi tanah runtuh bagi membersih, memantau keadaan sekitar susulan kejadian tanah runtuh yang berlaku di tanah persendirian dekat Jalan 1/27D di Seksyen 6, Wangsa Maju.